JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA



## DUTA WAKAF PERKASAKAN AGENDA KEBAJIKAN DAN KELESTARIAN UNIVERSITI

Duta Wakaf UniSZA diperkenalkan bagi memperkasakan budaya kedermawanan dalam kalangan warga universiti melalui perkongsian maklumat, peningkatan kesedaran dan pelaksanaan aktiviti promosi bagi menggalakkan sumbangan zakat, wakaf, derma dan endowmen secara lebih konsisten, sistematik dan menyeluruh. Di samping itu, Duta Wakaf UniSZA turut berperanan sebagai penghubung strategik antara UniSZA dengan individu, organisasi, agensi dan institusi yang berpotensi menjadi penyumbang atau rakan pendanaan, sekali gus memperluas jaringan kerjasama serta memperkukuh sumber pembiayaan bagi menyokong kelestarian dana universiti.

## SENARAI DUTA WAKAF

- Prof. Madya Dr. Mohd A'tarahim Bin Mohd Razali (FKI)
- Dr. Ruhaizan Binti Sulaiman @ Abd Rahim (FUPL)
- Dr. Napisah Binti Hussin (FSK)
- Dr. Asril Amirul Bin Zakariah (FUHA)
- Dr. Zarizal Bin Suhaili (FBIM)
- Dr. Habibah Solehah Binti Ramli (FPP)
- Dr. Mohd Zainul Ariffin Bin Zolkifeli (FSSG)
- Dr. Wan Mohd Rizhan Bin Wan Idris (FIK)
- Dr. Wan Abdul Hayyi Bin Wan Omar (FBK)
- Encik Muhammad Faiq Bin Tajol Ariffin (FPV)
- Encik Baharin Bin Salim @ Abdullah (FP)
- Encik Najmuddin Bin Mohamed Sarawi (FRIT)
- Encik Mohd Sukri Bin Chik @ Ismail (FF)

JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## RANGKUMAN AKTIVITI WAKAF UniSZA



### 2 JUN 2026

Lawatan tapak tanah wakaf Jalan Semarak dan Jalan Lapangan Terbang

Hasil: Penyediaan proposal plan pembangunan

### 8 Jun 2026

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Syariah Wakaf UniSZA

Hasil: Perbincangan isu kempen wakaf khas yang tidak mencapai sasaran





### 16 JUN 2026

Mesyuarat Penutup Audit bersama Unit Audit Dalaman

Hasil: Penambahbaikan amalan kutipan dan agihan zakat

JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## RANGKUMAN AKTIVITI WAKAF UniSZA



### 28 JUN 2026

Pertemuan MBSB bersama Pejabat Bendahari, WAKAF dan UniSZA Holdings

Hasil: Perbincangan strategik agihan zakat

### 29 JUN 2026

Agihan komputer riba kepada pelajar

Hasil: Memenuhi keperluan pembelajaran asnaf







### 29 JUN 2026

Serahan cek sumbangan zakat Bank Muamalat dan Bursa Malaysia, sempena Majlis Perasmian Muzakarah Kewangan Sosial Islam II

Hasil: Memperkasa kebajikan asnaf

JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## PENAMBAHBAIKAN PORTAL INFAQ



















Setelah beberapa tahun beroperasi, pada tahun ini WAKAF UniSZA telah mengambil inisiatif menambah baik platform Infaq UniSZA.

**Layari: https://infaq.unisza.edu.my/**

JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## PENAMBAHBAIKAN PORTAL INFAQ

Infaq UniSZA

### 1. APA ITU INFAQ UNISZA?

Infaq UniSZA merupakan pelantar crowdfunding (pendanaan awam) atas talian bertujuan merealisasikan aktiviti ilmu dan kebajikan dalam kalangan warga universiti. Konsep yang digunakan adalah infaq iaitu sumbangan ikhlas daripada para pendana yang budiman.

### 2. APA ITU CROWDFUNDING

Pendanaan ramai merupakan usaha pengumpulan dana yang melibatkan orang ramai Contohnya, jika sesuatu projek itu dapat meyakinkan 1,000 orang untuk menderma RM10 setiap seorang, RM10,000 akan berjaya dikumpulkan untuk projek tersebut.

**Layari: https://infaq.unisza.edu.my/**

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## PENAMBAHBAIKAN PORTAL INFAQ

### 3. BUKANKAH UNIVERSITI AWAM SUDAH MEMPUNYAI DANA KERAJAAN?

Walaupun universiti awam menerima dana daripada kerajaan namun, trend semasa menunjukkan bahawa peruntukan tersebut semakin berkurang dari tahun ke tahun. Dana kerajaan kebiasaannya hanya menampung kos pengurusan serta operasi asas.

Sumber pembiayaan alternatif menjadi semakin penting, khususnya untuk menyokong aktiviti kebajikan pelajar, pembangunan ilmu, serta program tambahan yang tidak dibiayai secara langsung oleh kerajaan. Infaq UniSZA berperanan sebagai platform yang menghubungkan masyarakat dengan universiti, membuka ruang kepada individu, korporat, dan institusi untuk turut sama menyumbang dalam memperkasa pendidikan serta menjaga kebajikan pelajar, sekali gus memastikan kelangsungan pembangunan ilmu dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh.

**Layari: https://infaq.unisza.edu.my/**

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## PENAMBAHBAIKAN PORTAL INFAQ

### 4. MANA SATU SAYA PERLU MENYUMBANG?

Infaq UniSZA menyediakan beberapa konsep sumbangan. Ini termasuklah wakalah zakat, wakaf, infaq dan endowmen bergantung pada hasrat pendana.

Wakalah zakat disalurkan khusus kepada golongan asnaf bagi memenuhi keperluan asas seperti sara hidup dan penyediaan peralatan pembelajaran seperti komputer riba.

Wakaf pula diperuntukkan untuk pembangunan aset berkekalan yang memberi manfaat jangka panjang, seperti pembinaan asrama, kemudahan dobi dan laluan pejalan kaki.

Infaq bersifat lebih fleksibel dan digunakan untuk menyokong pelbagai aktiviti serta projek kebajikan.

Endowmen pula difokuskan kepada pembiayaan penyelidikan dan pembangunan ilmu.

**Layari: https://infaq.unisza.edu.my/**

JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## PENAMBAHBAIKAN PORTAL INFAQ

## 4 STRATEGI CROWDFUNDING

1. **Sasaran yang realistik dan mampu capai**

   *RM 10,000 memerlukan 100 pendana yang menyumbang RM 100 setiap seorang.

2. **Kenalpasti potensi pendana**

   *Kajian menunjukkan 80% pendana crowdfunding mengenali penggerak projek

3. **Sebar dan berkempen seluas mungkin**

   *Facebook, WhatsApp, Telegram, Tik Tok

4. **Sediakan token penghargaan untuk para pendana**

   *Cawan, keychain, buku

Layari: https://infaq.unisza.edu.my/

JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## KEMPEN POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (PZB)

https://ezakat.maidam.gov.my/online/pzb.php
















Semakin besar pembayaran zakat staf melalui skim PZB, semakin besar dana wakalah yang akan diagih kembali oleh MAIDAM kepada UniSZA

JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## DAPATKAN BULETIN WAKAF KITA



JANUARI 2026

WAKAF KITA

KAUNTER SUMBANGAN WAKAF SEMPENA KENAIKAN GAJI

27 Jan: Pihak WAKAF UniSZA telah membuka kaunter potongan gaji di Glass Hall, Bangunan Canselori. WAKAF UniSZA merakamkan setinggi penghargaan kepada semua staf yang hadir mendaftar, sama ada potongan kali pertama mahupun penambahan potongan sedia ada.

KAUNTER WAKAF DI BANGUNAN CANSELORI

9.00 AM - 11.00 AM

SELASA, 27 JAN 2026

HTTPS://INFAQ.UNISZA.EDU.MY/

#WAKAFKITA #DEMIFAEDAHINSAN



FEBRUARI 2026

WAKAF KITA

WAKAF TOUR SEMPENA RAMADHAN (SIRI 1)

WAKAF UniSZA telah mengadakan Program Wakaf Tour sempena bulan Ramadan bagi mempromosikan amalan filantropi dalam kalangan warga UniSZA. Program ini melibatkan 18 lokasi di tiga kampus utama universiti. Bagi bulan Februari, sebanyak empat lokasi telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan 10 Pusat Tanggungjawab (PTJ).



MAC 2026

WAKAF KITA

SUMBANGAN SEMPENA MAJLIS IFTAR PERDANA

Kuala Nerus, 10 Mac 2026 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menerima sumbangan berjumlah RM713,975.48 daripada pelbagai agensi, institusi kewangan dan individu sempena Majlis Iftar Perdana yang berlangsung di Masjid UniSZA.



APRIL 2026

WAKAF KITA

AGIHAN ZAKAT FISABILILLAH PENDIDIKAN

29 April: Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf dan Zakat UniSZA (JAWAZ) telah meluluskan permohonan Zakat Fisabilillah Pendidikan UniSZA kepada FPP, FKI, INSPIRE dan PAKAT. Ini merupakan kali pertama UniSZA diberikan kebenaran untuk mengagihkan zakat fisabilillah melalui wakalah zakat MAIDAM.



MEI 2026

WAKAF KITA

PENGERUSI JK PELABURAN DANA WAKAF

24 Mei: Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Dana Wakaf UniSZA oleh Naib Canselor UniSZA, YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam kepada YBhg. Dato' Dr. Shakir Husain Kahd. Pelantikan ini diyakini mampu memperkukuh strategi pelaburan dana wakaf universiti secara lebih mampan dan berimpak tinggi sejajar dengan pengalaman luas beliau dalam bidang korporat dan pengurusan strategik.



JUN 2026

WAKAF KITA

DUTA WAKAF PERKASAKAN AGENDA KEBAJIKAN DAN KELESTARIAN UNIVERSITI

Duta Wakaf UniSZA diperkenalkan bagi memperkasakan budaya kedermawanan dalam kalangan warga universiti melalui perkongsian maklumat, peningkatan kesedaran dan pelaksanaan aktiviti promosi bagi menggalakkan sumbangan zakat, wakaf, derma dan endowmen secara lebih konsisten, sistematik dan menyeluruh. Di samping itu, Duta Wakaf UniSZA turut berperanan sebagai penghubung strategik antara UniSZA dengan individu, organisasi, agensi dan institusi yang berpotensi menjadi penyumbang atau rakan pendanaan, sekali gus memperluas jaringan kerjasama serta memperkukuh sumber pembiayaan bagi menyokong kelestarian dana universiti.

**Layari: www.wakafunisza.edu.my**

JUN 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

Disediakan oleh:

Pejabat Wakaf dan Endowmen
Universiti Sultan Zainal Abidin (WAKAF UniSZA)
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu Darul Iman

**Ikuti kami**

**WAKAF UNISZA**